

Nafi seleweng RM800j

Timbangan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan Hong Nam menafikan dakwaan pembangkang kononnya kerajaan negeri menyalahgunakan RM800 juta yang diperuntukkan bagi projek tebatan banjir dan pengurusan sungai di Sarawak.

Chan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri berkata pembangkang sebenarnya keliru dengan jumlah kos projek itu.

"Mereka tidak dapat membezakan syarat projek kerana tidak berada dalam kerajaan. Kami tidak menyalahkan mereka," katanya. - Bernama